



**TEKS UCAPAN
YB DATO' SRI HUANG TIONG SII
TIMBALAN MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR
DAN PERUBAHAN IKLIM**

**SEMPENA
MAJLIS PENYAMPAIAN *MOCK TITLE*
BAGI SKIM PANGSAPURI TAMAN TAP,
TELUK INTAN, PERAK**

**TARIKH:
11 MEI 2023 (KHAMIS)**

**MASA:
9.30 PAGI**

**LOKASI:
DEWAN RUMAH REHAT
MAJLIS PERBANDARAN TELUK INTAN, PERAK**

Salam Sejahtera dan Salam Malaysia MADANI.

Terima kasih kepada saudari Pengacara Majlis.

YB Tuan Woo Kah Leong

Exco Perdagangan Dalam Negeri, Hal Ehwal Pengguna dan
Kampung Baru Cina

merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri Pasir Bedamar,
Teluk Intan

YBhg. Dato' Haji Amran bin Haji Ahmad

Timbalan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan

YB Tuan Haji Nadziruddin bin Haji Mohamed Bandi

Ahli Dewan Undangan Negeri Changkat Jong, Teluk Intan

Ketua-ketua Jabatan Persekutuan dan Jabatan Negeri

Wakil-wakil Agensi

Serta YBhg. Datuk/ Dato'/ tuan-tuan dan puan-puan yang
dihormati.

1. Terlebih dahulu bagi pihak Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada YB Tuan Woo Kah Leong, Exco Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi, Hal Ehwal Pengguna dan Kampung Baru Cina kerana sudi hadir bersama-sama kita pada hari ini untuk Majlis Penyampaian *Mock Title* bagi Skim Pangsapuri Taman Tap Teluk Intan Perak.

2. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan kerana menjemput saya menyampaikan ucapan di majlis ini dan seterusnya menyaksikan upacara penyampaian *mock title* bagi Skim Pangsapuri Taman Tap Teluk Intan Perak.

3. Majlis ini tidak akan dapat diadakan tanpa sokongan daripada semua pihak. Maka, saya tujukan ucapan penghargaan dan tahniah kepada semua pihak khususnya Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Negeri Perak, Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia, Lembaga Jurukur Tanah Malaysia, Majlis Perbandaran Teluk Intan, pelikuidasi iaitu Radiant Consulting Asia Sdn. Bhd. dan Badan Pengurusan Bersama Pangsapuri Taman Tap.

Hadirin sekalian,

4. Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC) amat menghargai segala usaha dan kerjasama semua pihak untuk menyelesaikan permohonan hakmilik strata bagi bangunan khas kepada 41 unit pembeli petak di Pangsapuri Taman Tap ini.
5. Saya diberitahu bahawa Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur telah berjaya mendaftarkan hakmilik strata melalui Borang 4 Akta Hakmilik Strata 1985 [Akta 318] pada 14 November 2022 yang lalu. Secara tidak langsung, ia merupakan skim kedua di bawah dana Kumpulan Wang Amanah Tabung Khas Hakmilik Strata yang berjaya mendaftarkan hakmilik strata. Tahniah dan syabas diucapkan.
6. Penubuhan Kumpulan Wang Amanah Tabung Khas Hakmilik Strata oleh NRECC adalah antara inisiatif Kerajaan Persekutuan untuk menyelesaikan isu pendaftaran hakmilik strata bagi bangunan yang diduduki sebelum atau pada 11 April 2007. Di bawah Tabung Khas Hakmilik Strata ini, dana disediakan bagi menampung kos

bayaran deposit dan upah profesional, bayaran fi hakmilik strata, bayaran kos isu tanah atau bangunan dan lain-lain.

7. Kerajaan memahami bahawa terdapat keadaan di mana pemilik asal atau pemaju bangunan strata gagal mendaftar hakmilik strata. Ia mungkin terjadi kerana syarikat tersebut digulungkan. Maka, pembeli petak terpaksa menanggung kos menyelesaikan isu tanah seperti tunggakan cukai tanah atau premium tanah, kos pengukuran, permohonan hakmilik strata termasuk kos pindahmilik hakmilik strata.

Para hadirin sekalian,

8. Dengan mengambil kira keadaan tersebut, maka bagi Skim Taman Tap ini, sebanyak RM207,833.20 telah diluluskan untuk menyelesaikan permohonan hakmilik strata. Oleh itu, saya berharap urusan terlibat tidak terhenti setakat ini sahaja. Sebaliknya, pihak pelikuidasi Radiant Consulting Asia Sdn. Bhd. bersama-sama dengan penduduk Skim Pangsapuri Taman Tap dapat menyelesaikan urusan pindahmilik kelak.
9. Selain daripada Skim Pangsapuri Taman Tap Teluk Intan ini, Tabung Khas ini turut membiayai lima (5) skim lain iaitu Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Pulau Pinang,

Selangor, Perak dan Kelantan dengan jumlah keseluruhan dana sebanyak RM1.45 juta.

10. Dengan adanya hakmilik, sebarang urusan bagi petak strata terlibat boleh dilaksanakan seperti jual beli atau urusan pembahagian harta pusaka sekiranya pembeli kediaman telah meninggal dunia. Secara umumnya, penyelesaian pendaftaran hakmilik strata bagi bangunan khas memberi faedah kepada Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan juga komuniti strata.

Para hadirin yang dihormati,

11. Kementerian ini menyambut baik usaha semua agensi dalam memudahkan proses pendaftaran hakmilik strata dan juga menganjurkan program untuk meningkatkan kesedaran orang awam tentang kepentingan pendaftaran hakmilik strata.
12. Saya ingin merakamkan penghargaan kepada Lembaga Jurukur Tanah Malaysia yang telah berbesar hati untuk menyumbang RM3 juta kepada Tabung Khas ini. Dengan dana tersebut, ia membolehkan Tabung Khas membiayai kos untuk pendaftaran hakmilik strata. Dalam hal ini, NRECC sentiasa terbuka kepada mana-mana pihak yang

berminat untuk turut menyumbang kepada Tabung ini agar lebih banyak skim strata mendapat manfaatnya.

13. Agensi dan Jabatan di peringkat Pihak Berkuasa Negeri (PBN) juga komited dalam sama-sama berganding bahu untuk memastikan pendaftaran hakmilik strata ini berjaya dicapai. Saya bagi pihak NRECC mengucapkan sekalung terima kasih kepada pihak PBN dalam memudahkan urusan pendaftaran hakmilik strata ini. Semoga kerjasama erat ini dapat diteruskan di masa-masa yang akan datang.

PENUTUP

Sidang hadirin yang dihormati sekalian,

14. Sebelum mengakhiri ucapan, saya sekali lagi merakamkan setinggi-tinggi ucapan tahniah kepada Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan atas inisiatif menyelesaikan permohonan hakmilik strata skim bangunan khas. Adalah diharapkan agar majlis ini mencapai objektifnya dan memberi manfaat kepada semua 41 pembeli petak di Skim Taman Tap Teluk Intan Perak.

Sekian, terima kasih.